

# Bonus pesara perlu diselaras dengan kakitangan

awam

BM - 4 NOV 2001

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Pemberian bonus kepada pesara kerajaan perlu diselaras dengan kakitangan awam yang menerima setengah bulan gaji atau minimum RM1,000 setiap tahun.

Presiden PPKM, Tan Sri Abdullah Ayub berkata, kerajaan juga perlu menjadikan pemberian bonus Hari Raya sebagai "hadiah" tahunan sebagaimana yang diterima oleh kakitangan awam.

"Kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan yang bermurah hati untuk memberikan bonus kepada golongan pesara," katanya kepada *Mingguan* hari ini.

Beliau mengulas penguaman kerajaan semalam untuk memberi bonus Hari Raya RM200 seorang pada akhir bulan ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan perkara itu berkata, keputusan itu dibuat sebagai hadiah kepada golongan pesara kerajaan selepas mereka tidak dimasukkan dalam senarai penerima bonus dalam pembentangan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat, 19 Oktober lalu.

Pemberian bonus tersebut merupakan kali pertama diberikan oleh kerajaan kepada golongan pesara.

Mengulas lanjut, Abdullah memberitahu, pemberian sebanyak RM200 itu dianggap masih rendah bagi mereka yang menerima pencen yang agak tinggi.

Kerajaan, katanya, sewajarnya memberi bonus minimum antara RM400 hingga RM500 kepada golongan berkenaan.

"Kita bersyukur dengan pemberian ini tetapi sepatutnya pemberian bonus itu lebih daripada RM200," jelasnya.

Beliau menambah, pihaknya akan membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan selepas Hari Raya ini supaya ganjaran bonus itu dapat ditambah pada tahun depan.